

**TEKS UCAPAN YAS TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PEMBANGUNAN) KATA-KATA ALUAN SEMINAR PENGURUSAN
HALON DAN MS 2678:2017 FLAMMABLE REFRIGERANT SYSTEM-
CODE OF PRACTICE.**

**بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ**

Salam sejahtera dan salam 1Malaysia,

Yang berusaha saudara/saudari pengacara majlis,

Yang Berbahagia, Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Jabatan Alam
Sekitar Malaysia, Tuan Mokhtar bin Abd. Majid.

Yang Berbahagia Ir. Chen Thiam Leong, Persatuan Jurutera Perunding
Malaysia

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri-negeri

YS Pengarah-pengarah Bomba Negeri

Pegawai-pegawai dari Jabatan Alam Sekitar

Pegawai-pegawai dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri-negeri

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka pada pagi yang mulia ini, kita dapat bersama-sama di dalam seminar ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Udara, Jabatan Alam Sekitar dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kerana telah berjaya menganjurkan Seminar Pengurusan Halon dan MS 2678:2017 Flammable Refrigerant System-Code of Practice.

Seminar pada kali ini adalah merupakan kesinambungan daripada roadshow seminar pengurusan Halon yang pertama yang telah diadakan pada tahun 1999 yang lalu. Roadshow seminar yang terdahulu telah berjaya mencapai objektifnya.

Pada kali ini, sekali lagi jabatan bomba dan penyelamat dengan kerjasama jabatan alam sekitar menganjurkan program seminar yang sama dimana antara objektif yang hendak dicapai adalah :

- 1) Memberikan kesedaran kepada pemilik premis berhubung penukaran halon kepada halon alternatif.
- 2) Memaklumkan kepada pemilik premis atau pemasangan yang masih lagi menggunakan halon sebagai agen pemadaman untuk menyerahkan halon kepada bank halon Malaysia.

- 3) Menggalakkan pemilik premis menukar gas halon kepada Halon Alternatif yang memiliki ciri-ciri mesra alam sekitar (Environmental Friendly).
- 4) Memaklumkan pelaksanaan perwakilan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Halon) 1999 dan juga Arahan Administratif Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 1993 : Melarang Pemasangan Halon Dalam Sistem Pencegahan Kebakaran.

Bagi mencapai objektif seminar ini, penganjur telah menetapkan kumpulan sasaran yang difikirkan perlu diberi pemakluman tentang program kesedaran halon antaranya;

- 1) Sektor Pengguna Utama termasuklah Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia, Petronas, Shell, Esso Mobil dan lain-lain lagi.
- 2) Sektor Ketenteraan termasuklah Tentera Darat, Tentera Udara, Tentera Laut dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.
- 3) Sektor Penerbangan termasuklah Malaysian Airport Berhad, Malaysia Airline, Air Asia, Malindo Air, Firefly dan lain-lain lagi.

Penglibatan sektor diatas adalah amat penting kerana mereka merupakan pengguna utama agen pemadaman halon. Diharapkan perkongsian maklumat yang diperolehi daripada seminar kali ini, pihak yang terlibat dapat mengambil tindakan proaktif berhubung penggantian agen pemadaman halon kepada agen pemadaman halon alternatif melainkan essential user.

Hadirin yang dihormati sekalian.

Untuk makluman, sebelum ini Jabatan Alam Sekitar telah melantik syarikat Sukiada Engineering Sdn. Bhd untuk menguruskan operasi pengumpulan halon.

Bermula pada 1 Mac 2000, pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia telah mengambil alih operasi tersebut dan menempatkan lokasi penyimpanan sementara halon di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia ,Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Tanggal 9 November 2013, dengan rasminya Bank Halon Malaysia telah dipindahkan secara kekal di Pusat Penyelidikan Kebombaan (PUSPEK) yang terletak Kawasan Perindustrian Enstek, Nilai , Negeri Sembilan dibawah seliaan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Bagi meneruskan kelangsungan Industri Penerbangan dan Ketenteraan negara, Bank Halon Malaysia adalah satu-satunya institusi yang menyimpan Khazanah Negara iaitu membekalkan halon kepada kedua-dua Industri ini yang dikategorikan sebagai Essential User (Peguna Penting).

Perwakilan kuasa oleh Jabatan Alam Sekitar melalui seksyen 38A dan 48B 'Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) Pengurusan Halon 2000' kepada pegawai bomba bagi mendapatkan maklumat berhubung penggunaan halon sebagai sistem pemadaman di premis.

Dengan adanya perwakilan kuasa kepada pegawai bomba, Jabatan dapat membantu Jabatan Alam Sekitar untuk mengawal dan mengurangkan jumlah penggunaan halon seterusnya mencapai sasaran SIFAR dalam penggunaan Halon sebagai media pemadaman di Malaysia sebagaimana yang ditetapkan didalam Protokol Montreal, 1989.

Selain itu, jabatan Bomba juga mengambil inisiatif dengan mengeluarkan arahan kepada semua pegawai bomba melalui Arahan Administratif Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 1993 : “Melarang Pemasangan Halon Dalam Sistem Pencegahan Kebakaran” yang bertujuan untuk merealisasikan sasaran sifar penggunaan Halon dalam sektor pemadaman kebakaran.

Dalam menjalankan arahan administratif ini, melalui aktiviti penguatkuasaan Akta 341 (Fire Certificate dan Penghapusan Bahaya Kebakaran) dan Akta 133 (Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam), Jabatan Bomba dan Penyelamat akan mengeluarkan notis pemakluman berhubung status semasa dan kehendak kerajaan dalam pemasangan sistem mencegah kebakaran menggunakan halon kepada pemilik premis.

Hadirin yang dihormati sekalian.

Untuk makluman para hadirin, sehingga kini, Bank Halon Malaysia telah berjaya mengitar semula sebanyak 54,451 kg gas halon dari sejumlah 99,533 kg gas halon yang ditempatkan di Bank Halon Malaysia.

Berdasarkan rekod Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, sehingga kini sebanyak 240 kelulusan (baru) sistem halon alternatif telah dikeluarkan merangkumi Inert Gases, Clean Agent dan Aerosol. Walaupun tiada media pemadaman yang setanding dengan penggunaan halon, tetapi ianya masih efektif sebagai sistem pemadaman kebakaran (Total Flooding dan Portable Extinguisher).

Hadirin yang dihormati sekalian.

Bagi mengakhiri ucapan saya pagi ini, dengan sukacitanya ingin saya mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada hadirin di atas komitmen meluangkan masa untuk hadir pada seminar kali ini. Saya mewakili pihak pengurusan tertinggi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sungguh berbesar hati dan mengucapkan ribuan terima kasih atas jemputan untuk memberi ucapan aluan pada seminar ini.

Diharap selepas seminar ini para hadirin akan dapat memahami dengan lebih mendalam peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh kita semua bagi mencapai “HALON ZERO USAGE” dan persediaan negara untuk melaksanakan Pelan Phase Out UNEP (HCFC dan HFC) akan datang bagi memastikan negara kita selamat dari kemusnahan alam sekitar .

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warrahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.**